



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 3 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA HASIL LEBIH 54 TAN METRIK BAWANG, NEGARA, KOSMO, M/S – 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PELAJAR AKTUARI PILIH JADI PESAWAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	LAIN – LAIN
3.	SUKAN BENDANG KEMBALIKAN NOSTALGIA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 31	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2026	KOSMO	NEGARA	6

Malaysia hasil lebih 54 tan metrik bawang

PETALING JAYA – Malaysia berjaya menghasilkan lebih 54 tan metrik bawang domestik tahun lalu melalui Program Penanaman Bawang Berskala Besar.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penghasilan itu satu kejayaan yang membanggakan bagi tahun 2025.

“Program Penanaman Bawang Berskala Besar telah membuktikan kemampuan kita memperkasa pengeluaran makanan negara.

“Sebanyak 157 hektar kawasan berjaya diusahakan dengan penglibatan 125 pengusaha tempatan,” katanya menerusi hantaran di media sosial semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, kejayaan itu juga hasil perancangan yang tersusun, kerja kuat di lapangan dan komitmen semua pihak terlibat.

Tambahnya, pencapaian 2025 itu menjadi pemangkin untuk pihaknya melangkah lebih jauh demi masa depan rakyat dan negara.



GAMBAR fail bertarikh 11 Januari 2025 ketika Mohamad (tiga dari kanan) melakukan lawatan ke Projek Tanaman Bawang Rose Ehsan di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya.

Pelajar aktuari pilih jadi pesawah

- Minat bertani, tolak tawaran kerja kerajaan
- Guna drone tabur baja, benih

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

ROMPIN - Seorang bekas graduan Universiti Teknologi Mara (UITM) sanggup menolak beberapa tawaran kerja sebagai penjawat awam dan tidak mahu menyambung pengajian semata-mata hendak mengusahakan sawah padi kerana terlalu meminati bidang pertanian.

Muhammad Izzat Abdul Manaf, 27, yang memiliki Diploma Aktuari berkata, dia tekad untuk membuat bendang bagi menyambung tradisi datuk dan bapanya selain minatnya dalam bidang pertanian.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, dia nekad menolak tawaran pekerjaan di Majlis Perbandaran Kuantan dan pelbagai tawaran pekerjaan termasuk penjawat awam bagi menyempurnakan hasratnya dalam bidang pertanian.

percaya industri padi mampu menyinar pada masa akan datang memandangkan ia adalah makanan utama rakyat Malaysia.

Bagaimanapun tambahnya, dia berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk kenaikan input pertanian dan serangan serangga perosak serta masalah infrastruktur.

"Setakat ini jumlah hasil padi paling tinggi pernah diperolehi adalah lebih dua metrik tan bagi satu ekar dan paling sedikit adalah sebanyak 300 kilogram bagi seekor," katanya.

Ujar Muhammad Izzat, dia turut mengambil upah meracun dan menabur baja serta padi bagi menampung hasil padi yang tidak menentu selain mempunyai seorang pekerja.

"Kalau hendak mengharapkan sawah padi sahaja pada masa ini ini memang mencabar kerana keuntungan tidak berapa banyak, jadi upah drone menjadi sumber pendapatan saya yang lain.

"Saya harap kerajaan akan lebih banyak membantu petani termasuk dari segi kenaikan harga padi dan juga dalam aspek pemotongan peraturan jualan padi selain mempertingkatkan lagi subsidi," ujarnya.



MUHAMMAD IZZAT (kanan) dibantu pekerjaanya meracun serangga menggunakan drone di sawah diusahakannya di Paya Sepayang, Rompin semalam.

dengan kerja ini yang pada masa ini amat mencabar dan tidak menjanjikan pendapatan lumayan," katanya.

Menurut Muhammad Izzat, dia yakin dapat bertahan kerana ramai anak muda tidak berminat

drone bagi kerja meracun serta membaja.

"Kalau bukan saya siapa lagi yang akan mewarisi kerja bersawah kerana kalau dilihat makin ramai anak muda tidak berminat

"Saya mengusahakan tanah seluar 16.9 hektar sejak 2021 kerana mahu membuktikan pertanian mampu menyara kehidupan dan mahu menjadi petani moden termasuk menggunakan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



WARGA PPK Seberang Perak dan penduduk yang menyertai sukan bendang di Seberang Perak dekat Pasir Salak, Perak kelmarin. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Sukan bendang kembalikan nostalgia

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Lebih 300 orang terdiri daripada pekerja Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seberang Perak dan penduduk Kampung Sungai Pari memeriahkan penganjuran sukan bendang yang berlangsung meriah di lot pertanian Seberang Perak di sini kelmarin.

Program julung kali diadakan itu dilihat mengimbu kembali nostalgia masyarakat pesawah dahulu yang sinonim dengan aktiviti di bendang.

Sebanyak lapan acara dipertandingkan antaranya lumba lari dalam lumpur, lumba lari ikat kaki, lumba lari membawa telur serta acara tangkap itik dalam lumpur.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Seberang Perak, Mohd. Zamnuri Abidin berkata,

penganjuran sukan bendang bertujuan mengeratkan hubungan antara ahli PPK, Ahli Jemaah Pengarah, pihak pengurusan serta kakitangan PPK.

Menurutnya, program separuh hari yang diadakan di kawasan sawah itu mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk kampung khususnya golongan remaja.

"Acara sebegini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan sesama warga kerja dan ahli PPK, selain membantu membendung gejala tidak sihat dalam kalangan remaja.

"Sambutan yang amat menggalakkan membuktikan aktiviti masyarakat pesawah ini masih mendapat tempat walaupun semakin dilupakan.

"Kami bercadang menjadikannya sebagai program tahunan bagi menghidupkan kembali semangat dan budaya

warisan," katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Sungai Buaya, Mat Saab Mat Tuming, 73, berkata, penganjuran sukan bendang mengembalikan nostalgia ketika masyarakat dahulu bergotong-royong menjalankan aktiviti bersawah.

Katanya, penduduk beramai-ramai hadir memeriahkan acara tersebut semata-mata untuk berseronok dan mengeratkan silaturahim.

"Sukan bendang sangat menyeronokkan dan unik kerana hanya boleh diadakan di bendang.

"Pada masa dahulu, aktiviti seperti ini mampu mengeratkan hubungan sesama penduduk. Walaupun tidak menyertai acara, menonton pun sudah cukup menghiburkan.

"Sambil bersukan, kita dapat mengeratkan ukhuwah dan menghidupkan kembali budaya warisan," katanya.